# SURAU AL-'IZZAH سوراو العزة

No Pendaftaran JAIS: JAI.SEL.BPM/01/035/227
Jalan Samudera Selatan 10, Taman Samudera, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
*Pengerusi*: Haji Desa Ali (012-370 0744) | *Setiausaha*: Wan Mohd Zukri Che Mat Zin (012-320 3434)
**E** surau_alizzah@yahoo.com | **W** www.surau-alizzah.com | **FB** www.facebook.com/surau.alizzah


Ruj Kami: SAI/Pem/2013(03)

1 Rejab 1434H
11 Mei 2013

*Kepada:*
**Yang Berbahagia**
**Ahli Kariah Surau Al-'Izzah**
**Taman Samudera**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Tuan/puan yang dirahmati Allah SWT,*

## MALAM AMAL SURAU AL-'IZZAH

Semoga tuan/puan berada dalam kerahmatan dan keberkatan Allah SWT.

Alhamdulillah, sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya projek menaiktaraf surau kita Fasa 1 dan 2 dapat disiapkan dengan jayanya. Terimakasih di atas doa, sumbangan dan sokongan berterusan daripada tuan/puan semua serta para dermawan yang memberi sumbangan kepada projek ini.

Seterusnya pihak Jawatankuasa Surau Al-'Izzah sedang berusaha untuk mengumpul dana bagi membiayai projek menaiktaraf **Fasa 3** yang melibatkan ubahsuai ruang solat utama dan pembesaran ruang solat lelaki. Anggaran kos ialah sebanyak **RM100,000**.

Salah satu usaha untuk mendapat dana ialah melalui program **Malam Amal Surau Al-'Izzah** yang akan diadakan pada 22 Jun 2013 di K-Klub Taman Melawati. Saya menyeru kepada tuan/puan untuk sama-sama menjayakan program ini dengan:

1. Membeli tiket untuk kerusi dan meja Malam Amal Surau Al-'Izzah
2. Membeli meja untuk syarikat bagi ahli kariah yang memiliki syarikat sendiri
3. Membantu menjual tiket kepada saudara-mara, kenalan dan syarikat luar
4. Menaja meja untuk anak yatim
5. Memberi sumbangan kewangan tanpa belian tiket

Segala kerjasama tuan/puan diucapkan *jazakallahukhairan kathira* dan sama-sama kita berdoa agar usaha ini dipermudahkan oleh Allah SWT dan mendapat keredhaan-Nya.

Sekian, wassalam.

*Yang diamanahkan,*

**Haji Desa bin Ali**
*Pengerusi*